




KUMPULAN RISDA HOLDINGS
www.risdaholdings.com.my



**STRATEGI
PEMBANTERASAN
RASUAH** KUMPULAN
RISDA HOLDINGS
2025-2029

KUMPULAN RISDA HOLDINGS ANTI-CORRUPTION STRATEGY

RINGKASAN EKSEKUTIF

Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional atau National Anti-Corruption Strategy (NACS) 2024-2028 telah dilancarkan oleh Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim pada 07 Mei 2024. Ini merupakan kesinambungan dari Pelan Anti Rasuah Nasional (NACP) yang telah tamat pada 31 Disember 2023.

Berikutan itu, Unit Integriti & Governans RISDA Holdings dengan kerjasama Unit Integriti RISDA telah mengambil inisiatif untuk membangunkan Strategi Pembanterasan Rasuah ini dan dokumen ini akan menjadi dasar utama dan panduan komprehensif kepada KRH dalam merancang bagi memerangi rasuah dan salah guna kuasa. Pembangunan strategi ini adalah atas bimbingan Institut Integriti Malaysia (IIM) dengan mengadakan beberapa siri bengkel yang dihadiri Jawatankuasa Pembangunan Strategi Pembanterasan Rasuah KRH dan RISDA.



STRATEGI PEMBANTERASAN RASUAH

KRH (HACS) 2025-2029

Strategi Pembanteraan Rasuah Nasional (NACS) 2024-2028 merupakan kesinambungan daripada Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 yang pertama kali digubal pada tahun 2019 sebagai komprehensif untuk menggembelng segala usaha menangani pelbagai isu berkaitan integriti, tatakelola dan anti rasuah.


NACP 2019-2023 diakui sebagai antara faktor yang menyumbang kepada kejayaan Malaysia meningkatkan reputasi negara dalam indeks Persepsi Rasuah (CPI). Dalam kalangan 180 buah negara, Malaysia melonjak ke tangga ke-51 pada tahun 2019 berbanding tangga ke-61 pada tahun 2018. Ini adalah prestasi Malaysia yang terbaik sepanjang tempoh lebih 20 tahun penarafan Indeks Persepsi Rasuah (CPI) untuk Malaysia. Tahun 2023 telah memperlihatkan 85 daripada 111 inisiatif dalam NACP 2019-2023 yang dirancang berjaya dilaksanakan menjadikan kadar pencapaiannya sebanyak 77%.

Pembangunan NACS 2024-2028 kali ini memberi tumpuan utama kepada kesejahteraan rakyat dengan menjadikan agenda Malaysia MADANI sebagai landasan. Kejayaan NACS 2024-2028 akan dapat dicapai melalui sokongan dan kerjasama padu daripada semua pihak termasuk ahli politik, sektor awam, sektor swasta dan pertubuhan bukan kerajaan. Manfaat yang dihasilkan tidak hanya dinikmati di peringkat negara tetapi juga memberi

impak di peringkat antarabangsa, dengan hasrat memastikan rakyat benar-benar merasai kepentingan tatakelola yang baik, integriti tinggi dan usaha pencegahan rasuah yang berkesan.

Sebagai tanda komitmen RHSB dengan KRH dalam usaha memerangi rasuah, salah guna kuasa dan salah laku, organisasi ini telah memperkenalkan Strategi Pembanteraan Rasuah kumpulan RISDA (HACS) 2025-2029. Strategi yang dibangunkan dengan kerjasama semua pihak berkepentingan bertindak sebagai rangka kerja dinamik untuk memperkukuh pelaksanaan langkah pencegahan serta menyokong reformasi strategi yang sedang berjalan.

Pembangunan ini dilaksanakan dengan kerjasama strategik bersama Institut Integriti Malaysia (IIM) selaku konsultan utama yang membantu dalam memberi panduan kepada Jawatankuasa Pembangunan HACS 2025-2029. Sebanyak tiga (3) siri benkel serts dua (2) siri sesi pemurnian telah dilaksanakan semula draf akhir pelan dibentangkan kepada Pengurusan Tertinggi RHSB dan seterusnya kepada ALP RHSB.



BIDANG-BIDANG YANG BERISIKO

Ahli Jawatankuasa Pembangunan Strategi Pembanterasan Rasuah Kumpulan RISDA Holdings (KRH) telah melaksanakan Penilaian Risiko Rasuah/ Corruption Risk Analysis (CRA) bagi mengenalpasti risiko-risiko berkaitan governans, integriti dan antirasuah yang mungkin menjejaskan operasi dan imej organisasi. Berdasarkan penilaian risiko yang telah dijalankan, enam (6) Bidang Keutamaan yang terdedah kepada risiko governans, integriti dan antirasuah di KRH telah dikenalpasti:-

MEMAHAMI CABARAN TADBIR URUS KRH

PENTADBIRAN	Menangani proses yang teratur untuk mencegah penyalahgunaan
TADBIR URUS	Memastikan pengurusan sumber yang telus dan berkesan
SUMBER MANUSIA	Menekankan pengurusan beretika untuk mengelakkan konflik
KEWANGAN	Mengatasi kawalan kewangan untuk mencegah penyelewengan
PEROLEHAN	Menangani proses yang telus untuk mengelakkan rasuah
OPERASI	Memastikan pematuhan untuk mengelakkan pembaziran sumber



KERANGKA UTAMA STRATEGI PEMBANTERASAN RASUAH

KUMPULAN RISDA HOLDINGS 2025-2029


RSHB mengakui bahawa perlunya menangani masalah rasuah, salah guna kuasa, penyelewengan dan salah laku integriti dalam RHSB/KRH. Kelekaan dan kecuaiian dalam menangani masalah rasuah dan integriti dalam kalangan warga RHSB/KRH bukan sahaja menjejaskan imej syarikat malah boleh membawa kepada kepincangan dan kesan buruk kepada RHSB/KRH, RISDA, Kerajaan dan Negara. Amalan rasuah perlu dihapuskan sepenuhnya daripada sistem pentadbiran RHSB/KRH bagi mengekalkan kestabilan dan kepercayaan semua pihak terhadap RHSB/KRH.

Bagi mencapai matlamat tersebut, RHSB telah menetapkan enam (6) bidang keutamaan yang menjadi teras utama dalam usaha menangani risiko rasuah, salahguna kuasa, penyelewengan dan salah laku integriti dalam RHSB/KRH. Bidang keutamaan

tersebut ialah Tadbir Urus, Pentadbiran, Sumber Manusia, Perolehan, Kewangan dan Operasi.

Di peringkat RHSB/KRH, Strategi Pembanterasan Rasuah ini akan memacu ke arah peningkatan ketelusan dengan menerapkan nilai integriti dan sikap bertanggungjawab dalam semua sistem dan prosedur RHSB/KRH. Pelaksanaan dan penguatkuasaan inisiatif-inisiatif yang ditetapkan, diyakini mampu meningkatkan tahap ketelusan perkhidmatan dan operasi seterusnya melahirkan warga RHSB/KRH yang berintegriti dan meningkatkan kepercayaan semua pihak terhadap RHSB/KRH.

KERANGKA HACS 2025-2029



Kerangka Bidang Keutamaan Strategi Pembanterasan Rasuah ini telah dibentuk berdasarkan enam (6) bidang keutamaan pelbagai strategi pembenterasan yang telah dikenalpasti untuk setiap bidang tersebut. Ia juga disokong oleh enam (6) strategi dan sebelas (11) objektif strategi bagi mengangkat standard integriti dan tadbir urus bermula 2025 sehingga 2029.

RINGKASAN PELAKSANAAN

HACS 2025-2025

BIDANG KEUTAMAAN	STRATEGI	OBJEKTIF STRATEGI	RISIKO (71)	INISIATIF (95)	PENERAJU/ PELAKSANA
PENTADBIRAN	Memperkuuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan	- Meningkatkan Ketelusan dan Akauntabiliti Dalam Urusan - Merekayasa Perkhidmatan Menuju Tadbir Urus Baik	7	11	IGU (11) JPSM (36) JPPK (9) JKP (14) JAD (12) JTM (2) JPK (2) OPS (8) VA (1)
TADBIR URUS	Mempertingkatkan Keberkesanan dan Ketelusan Dalam Tadbir Urus	- Meningkatkan Ketelusan dan Akauntabiliti Dalam Proses Perkhidmatan dan Tata tertib - Merekayasa Perkhidmatan Ke Arah Tadbir Urus Baik	26	34	
SUMBER MANUSIA	Memperkasa Organisasi Dalam Pengurusan Sumber Manusia	- Menggalakkan Merit dan Integriti Dalam Proses Pengambilan, Pemilihan, Pelantikan dan Pemberian Markah Prestasi Mengikut Perjawatan - Merekayasa sumber manusia dan tatakelola ke arah tadbir urus baik	9	17	
KEWANGAN	Mempertingkatkan Keberkesanan Dan Ketelusan Dalam Pengurusan Kewangan	- Meningkatkan Ketelusan dan Akauntabiliti Dalam Pentadbiran Kewangan - Merekayasa Perkhidmatan Kewangan Yang Berkualiti	11	13	
PEROLEHAN	Mempertingkatkan Keberkesanan Dan Ketelusan Perolehan	Meningkatkan Ketelusan Perolehan, Pengurusan Risiko Rasuah	9	6	
OPERASI	Memantapkan Pengoperasian Syarikat	- Meningkatkan Ketelusan dan Akauntabiliti Pengoperasian Syarikat - Merekayasa Pengoperasian yang optimum	9	14	

Berdasarkan penilaian ke atas syarikat dalam Kumpulan RISDA Holdings, telah digariskan enam (6) bidang keutamaan dan enam (6) strategi, sebelas (11) objektif strategi, tujuh puluh satu (71) risiko dan sembilan puluh lima (95) inisiatif strategi.